Tel: 088-283283
Fax: 088-239046
E-mail: doasabah@sabah.gov.my
Laman Web: www.sabah.gov.my/tani

SABAH MAJU JAYA

SABAH, MALAYSIA

**Jabatan Pertanian Sabah**
Kementerian Pertanian & Industri Makanan Sabah
Aras 1, 5, 6 & 7, Wisma Pertanian Sabah
Jalan Tasik, Luyang
Off Jalan Maktab Gaya
Beg Berkunci No. 2050
88632 KOTA KINABALU

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: JPTN(IP):100-4/14/Klt.3/(47)

Tarikh: 24 Oktober 2012

Setiausaha Tetap
Kementerian Pertanian dan Industri Makanaan
Kota Kinabalu

Pengarah
Jabatan Perusahaan Ternak dan Perkhidmatan Haiwan
Kota Kinabalu

Semua Timbalan Pengarah
Semua Ketua Penolong Pengarah
Semua Penolong Pengarah
Semua Ketua Seksyen
Semua Pegawai Pertanian Kanan Daerah
Semua Pegawai Pertanian Daerah
Semua Pegawai Penguasa Pertanian Daerah

**ARAHAN JABATAN (KEWANGAN) BIL. 4/2012**
**PERAKAUNAN TRANSAKSI BAUCER BAYARAN DALAM TEMPOH AKAUN KENA BAYAR (AKB) 2012**

Dengan hormatnya, saya diarah merujuk Jabatan Bendahari Negeri Bil: JBNS(A) 400-14/1/Vol.8 (108) bertarikh 15 Oktober 2012 kepada semua Mengakaun Sendiri (JMS) mengenai perkara tersebut di atas.

2. Jabatan Bendahari Negeri meminta semua JMS memberi perhatian tegas kepada tempoh Akaun Kena Bayar (AKB) Disember 2012 kerana pada tempoh ini sahaja baucer bayaran Tahun 2012 boleh diproses pembayarannya bagi baucer yang layak dibayar dalam AKB. Akaun Disember 2012 Tambah I dan Tambah II hanyalah untuk tujuan pelarasan akaun sahaja.

3. Semua Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) telah diarah untuk memastikan **baucer-baucer bayaran AKB diproses, diluluskan dan dibayar setakat 14 Januari 2013** sahaja. Laporan kepada Jabatan Bendahari Negeri untuk AKB perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada 15 Januari 2013.

...2/-

4. Sehubungan dengan ini, **Jadual Penghantaran Baucer Ditegur** dalam Arahan Jabatan (Kewangan) Bil. 2 bertarikh 01 Oktober 2012 **diubah daripada 18 Januari 2013 kepada 10 Januari 2013 sahaja**.

5. Seksyen Kewangan tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat pembayaran yang tidak dapat dibayar dan diakaunkan dalam Akaun Kerajaan Negeri 2012 disebabkan kegagalan mematuhi Arahan Kewangan ini.

Sekian, terima kasih.

***'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'***

**(RUSDIN RIMAN)**
**KETUA AKAUNTAN**
**b.p. PENGARAH PERTANIAN**

s.k. Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri
Wisma Kewangan
Beg Berkunci 2058
88595 KOTA KINABALU

-/vg
241011345